



Mac 1992 ISSN 0128 - 1194

SUARA BANDARAYA

Datuk Bandar DBKL Melancar

Lambang Baru

D BKL mencipta sejarah dengan memilih identiti korporatnya yang berbeza apabila Datuk Bandar, Tan Sri Dato' Elyas Omar melancarkan lambang baru DBKL baru ini.

Selama ini DBKL menggunakan lambang Bandaraya Kuala Lumpur yang digunakan mulai Februari 1972 apabila Kuala Lumpur dianugerahkan taraf Bandaraya.

Ketika bercakap kepada

menggunakannya selepas mendapat keizinan Datuk Bandar, tetapi lambang Bandaraya Kuala Lumpur boleh digunakan oleh pelbagai pihak kerana ia adalah milik wargakota," ujar Tan Sri Dato' Elyas Omar.

Katanya, rekabentuk lambang baru itu merupakan cantuman antara lambang Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1951 dan lambang Bandaraya Kuala Lumpur 1972.

Menurutnya, lambang itu



Lambang Baru Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Tan Sri Dato' Elyas Omar bersama tetamu kehormat DBKL bersama tetamu kehormat

pemberita di majlis pelancaran lambang baru ini. Tan Sri Dato' Elyas Omar berkata, sudah tiba masanya DBKL mempunyai lambang sendiri yang membezakannya daripada lambang Bandaraya Kuala Lumpur dan organisasi-organisasi lain.

Lambang baru ini hanya boleh digunakan oleh pentadbiran DBKL sahaja dan pihak-pihak lain dibenarkan

direkabentuk sedemikian rupa bagi menggambarkan DBKL sebagai sebuah penguasa tempatan yang bertanggungjawab keatas pentadbiran dan pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur yang menjadi ibu negara Malaysia.

Tambah beliau, lambang itu menampilkan ciri-ciri tradisional seperti keris, perisai dan bunga raya sebagai



Kior DBKL sedang menyanyikan lagu korporat DBKL

lambang warisan kebudayaan di samping mengekalkan keindahan alam semulajadi bersesuaian dengan gelaran Kuala Lumpur - Bandaraya Taman Bercahaya.

Tan Sri Dato' Elyas Omar berharap

bersambung ke m.s. 19

Selamat
Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir Batin
Dari Editorial

KANDUNGAN

SUARA BANDARAYA ■ FEBRUARI 1992

■ DBKL CIPTA SEJARAH LAMBANG BARU	
■ EDITORIAL DAN ISI KANDUNGAN	2
■ DARI MEJA DATUK BANDAR	3
■ LAGU KORPORAT DBKL - MAJU DAN MAKMUR	
■ SEMANGAT PERBINCANGAN CAPAI KECEMERLANGAN	4
■ RUMAH PANGSA CIRI KONDO	
■ LOW COST FLAT WITH CONDO FEATURES	5
■ DBKL PERKENALKAN SISTEM BAS BARU	
■ CITY HALL PLANS FOR NEW BUS SYSTEM	6
■ KOPERASI KAKITANGAN DBKL BINA APARTMENT 22 TINGKAT	7
■ DBKL SUMBANG \$3 JUTA BINA BANGUNAN BELIA	
■ CITY HALL CONTRIBUTES \$ 3 MILLION TOWARDS YOUTH BUILDING	8
■ INSENTIF UNTUK KAKITANGAN BINA KUARTERS 10 TINGKAT	9
■ 10,000 SERTA LARIAN KOMANWEL	
■ 10,000 SUPPORT COMMONWEALTH GAMES BID	10
■ DBKL BELANJA SETAHUN \$ 54 JUTA KUTIP SAMPAH	
■ CITY HALL- \$54 MILLION TO COLLECT RUBBISH	11
■ ALBUM BANDARAYA	12
■ SUKAN OLIMPIK 1992 BAM MAHU CATAT SEJARAH	
■ OLYMPIC GAMES 1992 BAM AIMS TWO OLYMPIC GOLD MEDALS	13
■ BERITA BERGAMBAR	14/15
■ MUDAHKAN WARGAKOTA ZON KEWANGAN	
■ FINANCIAL DISTRICT FOR THE CITY	16
■ ALBUM BANDARAYA	17
■ REKABENTUK INDAH DAN MODEN SEKOLAH YANG LEBIH CANGGIH	18
■ TERIMA SUMBANGAN AIR PANCUT \$ 0.5 JUTA	19
■ AKAN DIAMBIL TINDAKAN PEGAWAI YANG MENYELEWENG	20
■ DATUK HJ. NORDIN MERASMIKAN PAMERAN WARNA-WARNA IBUKOTA	21
■ KESIHATAN KERJA - DR. ANUAR SUUN M.D. (MAL) M. Sc. (OCC. MED. SPORE)	22
■ BENGKEL PERTUBUHAN KANAK-KANAK DAN REMAJA	24
■ EKUAD PENYELAMAT DBKL SUSUN STRATEGI BARI	
■ CITY HALL RESCUE SQUAD TO THE RESCUE	25
■ SIKAP WARGAKOTA TELAH BERUBAH - KL BERWAJAH HIJAU	26
■ GENARASI MUDA DIGALAKKAN MENGHAYATI KL MELALUI BAHASA	27
■ TAMAN BURUNG KUALA LUMPUR - PENGIRAN SALEHA TERPIKAT	28



PENASIHAT

Izman B. Hj. Ismail

EDITOR

Zarina Ahmad Osman

PENOLONG EDITOR

Noraffizah Nordin

JURUFOTO

Mubarak Mohd. Atan
Abd. Rani Mohd. Sohor

PEMBERITA

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani
Zamnah bt Jumat (Pelatih ITM)

SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

EDITOR

SUARA BANDARAYA
Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal Awam,
Urusetia Bandaraya, Tingkat 5,
Bangunan Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Telefon : 2916011
Sambungan 147/432/122

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

DESIGN & LAYOUT

Design Image Advertising & Promotions Sdn. Bhd.

Dari Meja

From the Desk of

DATUK BANDAR



Pentadbiran Dewan Bandaraya telah mampu menjalankan tanggungjawabnya dengan baik dan memuaskan, sesuai dengan fungsinya serta sikap memberi perkhidmatan yang jujur, cekap dan berkesan kepada wargakota Kuala Lumpur. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan tertentu yang menjadi sungutan orang ramai dan juga kerajaan yang perlu diperbaiki dan diperbetulkan.

Dalam pada itu, tugas-tugas menjaga Kuala Lumpur hendaknya janganlah semata-mata dibebankan kepada Dewan Bandaraya sahaja. Wargakota juga mestilah sama-sama berganding bahu bekerjasama untuk memperbaiki lagi perkhidmatan yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur agar Bandaraya Kuala

Lumpur menjadi satu tempat yang indah dan selesa untuk didiami. Wargakota khususnya perlu mengubah sikap negatif membuang sampah sarap merata-rata untuk mengekalkan Bandaraya Kuala Lumpur supaya indah dan bersih. Wang yang diijatkan dari kos pengutipan dan pelupusan sampah kelak akan dapat digunakan untuk kegunaan umum.

Wargakota Kuala Lumpur juga boleh memberi sumbangan dari segi ide, tenaga dan material. Sumbangan-sumbangan ini sangat-sangat dihargai. Saya yakin Dewan Bandaraya akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan serta menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan kepada penduduk Kuala Lumpur di masa-masa akan datang dengan kerjasama wargakota.

The City Hall administration has succeeded in carrying out its responsibility creditably in terms of providing sincere, efficient and effective services to the residents of Kuala Lumpur. However, there are still several weaknesses that need to be rectified and improved based on complaints from the public.

On the other hand, the responsibility of maintaining Kuala Lumpur should not rest solely on City Hall's shoulders. City dwellers should also contribute towards improving the services provided by City Hall, and thereby help make the city a beautiful and comfortable place to live in. Residents must get rid of their negative habit of littering to keep Kuala Lumpur clean and healthy. The savings from the cost of garbage collection and disposal can then be used for the benefits of the public.

Kuala Lumpur residents can also contribute in terms of ideas, efforts and materials. Such contributions would be highly appreciated. I am confident City Hall will be able to provide better services and carry out its responsibilities more effectively in the future with the co-operation of city residents.



Maju dan Makmur

(Lagu Korporat DBKL)

Dewan Bandaraya gerak membangun
Maju dan Makmur Kuala Lumpur ibukota
bandaraya indah dalam taman bercahaya
maju negara berdaulat bangsa-Kuala
Lumpur.

Merancang membina membangun kota
meningkat produktiviti budaya kerja
setia berbakti, keselesaan warga kota
kualiti perkhidmatan sentiasa di jaga.
Merah, biru, putih mewarna
harmoni bersatu semangat membara
keris bersilang bunga melambang
keberanian bersambut tunggak warisan.

Lirik oleh Datuk Hj. Noordin Hj. Abd. Razak
Muzik oleh Johari Salleh.